

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan: UKM. KPD. BPA.600-4/4/2
Tarikh: 25 Februari 2022

Semua Pelajar
Program Pascasiswazah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021-2022

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 2 Sesi Akademik 2021-2022 akan **bermula pada 28 Mac 2022**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2021-2022	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus bermula 28 Mac 2022 . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
CAJ LEWAT MENDAFTAR	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan PKP.
DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR	Pelajar akan diberikan status "DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR" jika tidak membuat pendaftaran sehingga selewat-lewatnya pada 1 Mei 2022



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESSIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

JADUAL PERKULIAHAN	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula . Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
PEMBAYARAN YURAN	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan SEMUA YURAN TERTUNGGAK DAN SEMASA. Pembayaran yuran semester semasa hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 40% daripada yuran semester semasa sebelum atau pada 13 Mac 2022.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, mohon serahkan surat kelulusan tajaan kepada Bahagian Kewangan PKP jika belum berbuat demikian.</p> <p>Semakan status kewangan pelajar boleh disemak di laman web portal kewangan UKM di https://ekewangan.ukm.my</p>
BIODATA PELAJAR DI SMPE	Pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pelajar di SMPE pada setiap semester sekiranya terdapat perubahan.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,



NOOR SUZILAWATI BINTI DESA

Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program
 - Ketua Bahagian Pentadbiran, PKP
 - Bahagian Pengurusan Kewangan, PKP



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape